

Warisan Budaya orang 'Cape Malay' di Capetown.

Sakiinah Binti Mahamad Hakimi

Email: sakiinahmhakimi@gmail.com

PENGENALAN

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) telah menambahkan warisan tidak ketara ke dalam definisi warisan budaya (*cultural heritage*) yang ditakrifkan oleh UNESCO's World Heritage Convention. Definisi ini termasuklah sistem ilmu orang tempatan, budaya, cara hidup, kepercayaan dan tradisi yang masih diamalkan. Kertas kerja ini bertujuan membuat perkongsian tentang warisan budaya yang masih diamalkan oleh orang Melayu di Capetown atau lebih dikenali sebagai *Cape Malay*. Atas undangan Abdullah Waggie, Presiden *Malay and Cultural Heritage Society* dari Capetown untuk menghadiri Festival Melayu dan Warisan Budaya, maka kajian dibuat semasa saya berada di Capetown dengan menemubual orang *Cape Malay* di sana sepanjang bulan Oktober 2016. Hasil dari temu bual didapati bahawa banyak budaya orang Melayu yang masih diamalkan dan mempengaruhi budaya orang tempatan serta bahasa Afrikaan. Kajian dibuat dengan mengenal pasti warisan budaya orang Melayu yang masih diamalkan dan pandangan tentang identiti orang *Cape Malay* masa kini kesan dari perubahan zaman berbanding zaman awal orang Melayu semasa warisan dan budaya orang Melayu masih kuat diamalkan oleh orang *Cape Malay* di *Bo Kaap* dan *District Six* yang menjadi perkampungan orang Melayu ketika itu.

Siapakah *Cape Malay*?

Terdapat pelbagai pandangan mengenai ketibaan orang Melayu di Capetown. Paulsen (2003) menyebut tulisan Mayson (1865) mengandaikan bahawa orang Melayu dari *Batavia* dibawa oleh Belanda ke Capetown pada tahun 1652 melalui *Cape of Good Hope*. Beliau turut

merujuk Dangor, S E (1994) bahawa Ibrahim Batavia dibawa sebagai hamba oleh Jan van Riebeeck, seorang Belanda (Paulsen, 2003). Sebaliknya, Davids (1980) menulis dalam bukunya *The Mosque of Bo-Kaap* bahawa orang *Mardycckers* atau *Maredhika* adalah orang yang pertama tiba di Capetown dari Maluku pada tahun 1658. Sementara itu, Davids turut menyebut tulisan Du Plessis (1944) dalam bukunya *The Cape Malays* bahawa orang Melayu tiba pada tahun 1667. Mogamat Hoosain Ebrahim (2009) menulis, tidak semua yang datang ke Capetown adalah hamba, sebaliknya beliau memetik tulisan Bradlow dan Cairns(1978), dalam bukunya *The Early Cape Muslims* menyatakan bahawa sebahagian dari *Cape Malay* adalah tahanan politik yang dibuang negeri ke Capetown. Di antara orang Melayu ini adalah putera Raja dari Makassar seperti Dain Mangale yang menjadi tetamu kepada Gabenor Simon van der Stel semasa mengembara ke Gunung Copper. Menurut Davids (1980) lagi, Belanda ketika itu telah menguasai Batavia, Maluku, Makassar, Batam dan Mataram. Ramai pejuang Melayu di tangkap oleh Belanda dan dibuang negeri ke Capetown kerana bimbang dengan pengaruh Islam dan penentangan orang Melayu di tanah jajahan mereka. Antara tahanan politik terawal yang ditangkap dan dibuang negeri ke Capetown ialah Shaykh Abd al-Rahman Matahe Sha, Shaykh Mahmud yang digelar *Orang Cayen* (Orang Kaya dan berpengaruh) dari Sumatra Barat. Seorang daripadanya telah dipenjarakan di Robben Island manakala seorang lagi di buang ke hutan. Pada tahun 1680, Shaykh Yusuf atau Abidin Tadia Tjoessoep telah menentang Belanda bersama-sama Pangeran Haji, anak Sultan Ageng dari Batam tetapi tewas dan dipenjarakan di istana Colombo, Ceylon. Shaykh Yusuf merupakan menantu kepada Sultan Ageng dan anak saudara kepada Sultan Gowa (kini Makassar), Sultan Alauddin. Kemudian, pada tahun 1694 Syarikat Hindia Timur Belanda telah memindahkan Shaykh Yusuf Makassar ke Capetown bersama-sama 49 orang pengikutnya setelah permohonan Raja Goa untuk membebaskan Shaykh Yusuf dan pengikutnya dari Ceylon ditolak oleh Belanda. Mereka terdiri daripada dua orang isterinya, dua belas anaknya, dua

orang hamba perempuan, dua belas ulama/hafiz, dan beberapa rakannya untuk ditempatkan di ladang Zandvleit, Capetown. Mereka disambut secara terhormat oleh Gabenor Simon van der Stel di Capetown. Di ladang Zandvleit inilah komuniti Islam bermula dan agama Islam di ajarkan di Capetown sebelum Shaykh Yusuf meninggal dunia lima tahun kemudian.

Sebahagian besar pengikutnya dihantar pulang ke Makassar kecuali anak perempuannya Zytia Sarah Marouf dan dua lagi pengikutnya. Sehingga hari ini, ladang Zandvleit terus dikenali sebagai *Macassar* atau *Kramat* (Paulsen, 2003). Selain Shaykh Yusuf, Sayyid Alawi atau *Tuang Said* Mekkah dari Yaman dibawa oleh Belanda ke Capetown pada tahun 1744 bersama-sama Haji Matarim. Mereka telah dibuang negeri dan dipenjarakan di Robben Island selama 11 tahun. Haji Matarim meninggal dunia semasa dalam tahanan manakala Tuang Said menjadi pegawai polis di Capetown setelah dibebaskan. Tugasnya sebagai polis membolehkan beliau menyampaikan dakwah kepada golongan hamba dalam tahanan polis. Beliau dilantik secara rasmi menjadi Imam yang pertama di Capetown dan terus berkhidmat sehingga akhir hayatnya. Beliau dikebumikan di perkuburan *Tana Baru* di Capetown.

Pada tahun 1780, Imam Abdullah Ibn Kadi Abdus Salaam atau lebih dikenali sebagai *Tuang Guru* telah dipenjarakan di Robben Island. Beliau adalah putera Raja Tidore dari Kesultanan Ternate dan menulis buku mengenai undang-undang Islam dengan tulisan Jawi. Buku tersebut ditulis dalam bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Selain itu, Tuang Guru juga menulis al Quran menggunakan tangan berdasarkan hafazannya semasa beliau dipenjarakan di Robben Island. Selepas dibebaskan, beliau mengajar tentang Islam kepada 375 orang anak-anak hamba abdi dan mengajar bahasa Arab. Tuang Guru merupakan orang yang bertanggungjawab membina masjid terawal iaitu *Awwal Mosque* di Capetown pada tahun 1798 semasa penjajahan British (Paulsen, 2003). Setiap tahun, sambutan perayaan seperti Maulud Nabi diadakan dengan memberikan bunga rampai atau *rampies* kepada orang yang menyambutnya. Agama Islam berkembang pesat semasa abad ke19 apabila sembilan lagi

masjid dibina. Di atas usaha tokoh Islam seperti Shaykh Yusuf, Tuan Guru dan pengikutnya, Islam disebarkan kepada komuniti sekitarnya dan tradisi Melayu diteruskan oleh masyarakat setempat ketika itu. Sehingga hari ini, makam atau *kramat* terus dikunjungi oleh orang Islam di Capetown.

Islam dan budaya Melayu di Capetown.

Dauids (1980), menyatakan bahawa komuniti Islam pertama bermula apabila Shaikh Yusuf dan pengikutnya tiba pada tahun 1694 dan ditempatkan di ladang Zandvleit. Di ladang tersebut Islam diajar kepada komuniti hamba abdi yang tinggal berdekatan dengan ladang tersebut. Selain itu, Islam turut berkembang melalui perkampungan Melayu di Bo Kaap yang dikenali sebagai *Malay Quarters*. Perkampungan Melayu ini dibina sekitar tahun 1750 ke 1850. Mereka yang tinggal di perkampungan itu terdiri daripada artisan, tukang jahit, tukang masak, juru bina, buruh kasar yang membina bangunan di Capetown. Ramai orang Melayu di Capetown yang terus tinggal di Capetown setelah dibebaskan dari tahanan dan membina komuniti sendiri di Bo Kaap dan District Six. Tokoh Islam ini dihormati oleh orang Islam di sana kerana masih berpegang kepada agama Islam dan mengajar Islam kepada penduduk di Capetown walaupun mendapat tentangan penjajah. Kini, hampir separuh penduduk di Capetown adalah orang Islam.

***Cape Malay* atau *Cape Muslim*?**

Menurut Tasnim Motala (2013), antara penulis terawal mengenai orang Melayu di Capetown ialah Izak Du Plessis, *Commissioner for Coloured Affairs*. Du Plessis menulis mengenai orang Melayu di Capetown dalam bukunya *The Cape Malays* pada tahun 1944 dan merujuk kepada orang Melayu sebagai *Cape Malay* manakala Yusuf de Costa, seorang imam dan sejarawan menulis mengenai sejarah dan identiti orang muslim di Capetown dan merujuk kepada orang Melayu sebagai *Cape Muslim*. Achmat Davids di dalam bukunya *The Mosques of Bo Kaap*

turut menolak panggilan *Cape Malays* dan merujuk orang Melayu sebagai *Cape Muslim*. Pada pendapat beliau, *Cape Muslim* lebih sesuai digunakan kerana menganggap bahawa orang Islam di Capetown tidak berasal dari semenanjung Tanah Melayu (kini Malaysia) sahaja tetapi juga dari “Kepulauan India dan Kepulauan Indonesia”. Walau bagaimanapun, Kepulauan Indonesia merupakan nama yang digunakan oleh penulis barat antaranya Earl George Samuel Winsdor dan James Logan pada tahun 1850, yang merujuk kepada orang Melayu yang menduduki Kepulauan India. Ketika itu, pihak British lebih banyak berdagang di benua India dan mengelompokkan Indonesia sebagai ‘Indian Archipelago’ atau Kepulauan India. ‘Indo’ dalam bahasa Latin bermaksud India dan ‘nesia’ bermaksud kepulauan atau rumpun (Zahrah Sulaiman, Wan Hashim Wan Teh, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2016). Dalam kertas kerja ini, istilah *Cape Malay* digunakan bagi merujuk kepada orang Melayu di Capetown yang berketurunan Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui memori *Cape Malay* semasa membesar di kejiranan orang Melayu yang pernah didudukinya iaitu Bo Kaap dan District Six. Selain itu, kajian ini turut cuba mendalami makna menjadi orang *Cape Malay* di Capetown dan cara masyarakat *Cape Malay* di situ melihat dirinya pada masa sekarang.

Kaedah penyelidikan

Bagi tujuan kertas kerja ini, temubual telah dibuat dengan tiga orang *Cape Malay* yang terpilih di Capetown sepanjang bulan Oktober 2016. Temubual dibuat berdasarkan sorotan literatur kajian. Soalan yang ditanya adalah separa berstruktur bagi mendapatkan lebih banyak maklumat dan memori daripada responden. Hasil temubual dianalisis menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapat gambaran sebenar kehidupan masyarakat orang Melayu di Capetown dan mengenal pasti tema yang timbul dari temubual tersebut. (Cresswell, 2013). Kajian kes adalah satu fenomena dalam kehidupan sebenar dalam lingkungan fenomena dan konteks yang kurang jelas (Yin, 2011). Oleh itu, kertas kerja ini hanya melibatkan orang

Cape Malay yang berumur dan pernah tinggal di Bo Kaap atau District Six untuk ditemubual.

Responden dipilih secara rawak semasa berada di Capetown dengan bantuan orang *Cape Malay* berdasarkan ciri-ciri yang diberikan sebagai garis panduan.

- i) Responden A, lelaki berumur sekitar 60-an, bapanya berketurunan Melayu manakala ibunya berketurunan Filipina, pernah membesar di Bo Kaap dan District Six.
- ii) Responden B, wanita berumur sekitar 60-an, ibu dan bapanya berketurunan Melayu, pernah membesar di District Six sebelum berpindah setelah berkahwin.
- iii) Responden C, wanita berumur sekitar 60-an, berketurunan Melayu dari sebelah bapanya. Ibunya berketurunan Inggeris yang memeluk Islam. Pernah tinggal di Bo Kaap sebelum berpindah ke District Six

***Apartheid* dan kesannya kepada *Cape Malay*.**

Selepas pelaksanaan *Group Area Act* semasa zaman *Apartheid*, orang *Cape Malay* telah dikategorikan mengikut warna kulit iaitu *Colored* dan sebahagiannya dikategorikan dalam *Indian Group Areas*. Mereka terpaksa berpindah dari Bo Kaap ke kawasan perumahan untuk golongan berkulit coklat atau gelap yang jauh dari tempat kerja, tiada infrastruktur dan tinggi kadar jenayah. Perpindahan ini membawa perubahan kepada keadaan sosio ekonomi orang *Cape Malay* masa itu dan mengubah cara hidup serta hubungan kekeluargaan dalam kalangan orang Melayu dan juga kejiranannya. Kesan dari pelaksanaan akta ini, keluarga orang *Cape Malay* terpisah dan sukar untuk bertemu kerana tiada kemudahan pengangkutan yang boleh membawa mereka melawat saudara mereka. Dahulu semasa orang *Cape Malay* tinggal berdekatan, mereka saling mengenali jiran mereka dan menengok-nengokkan anak jiran mereka seperti anak sendiri (Paulsen, 2003) Namun, Responden A tidak melalui pengalaman ini kerana keluarganya dihormati oleh kerajaan *Apartheid* dan tidak begitu merasai perubahan

dalam kalangan orang Cape Malay dengan ketara. Sebaliknya, Responden B merasakan bahawa orang *Colored* dilayan seperti rakyat kelas kedua dan hanya orang Putih sahaja dibenarkan tinggal di tempat yang terbaik, mandi di pantai yang cantik, mereka tidak dibenarkan duduk di dalam keretapi atau bas yang sama, dan diberi pendidikan yang rendah. Namun demikian, pada pendapatnya, orang *Cape Malay* tetap dihormati oleh pihak penjajah kerana mereka adalah orang Islam oleh itu orang Melayu dipandang tinggi sebagai orang yang jujur dalam apa jua urusan. Orang *Cape Malay* ketika itu sangat kreatif kerana rata-rata ramai dalam kalangan mereka adalah artisan dan tukang jahit yang bagus. Penjajah memandang tinggi kepada mereka disebabkan pegangan agama Islam dan kejujuran orang Melayu ketika itu dan nilai ini masih terpelihara sehingga sekarang.

Islam dan Warisan Budaya Orang *Cape Malay* yang Masih diteruskan

Antara amalan yang masih diteruskan ialah melihat anak bulan di tepi pantai untuk menentukan tarikh mula bulan Ramadhan dan tarikh mula bulan Syawal, berzikir beramai-ramai dalam nada berlagu, ucapan *Slamat* yang dipendekkan daripada ucapan *Assalamualaikum* dan *Boeka* yang merujuk kepada bulan Ramadhan (Davids,1980).

Responden B menceritakan bahawa selain semasa menghadiri majlis perkahwinan, orang *Cape Malay* akan berpakaian cantik setiap kali sembahyang Jumaat. Oleh itu, walaupun mereka miskin mereka tetap memakai pakaian yang terbaik untuk sembahyang berjemaah di masjid. Seseorang *Cape Malay* tidak akan meminta-minta walaupun miskin. Sebaliknya beliau akan menjerang air di dalam periuk dan meletakkan batu di dalamnya supaya orang menyangka mereka memasak sesuatu. Mereka berbuat sedemikian kerana mereka terlalu malu untuk memberitahu keadaan sebenar dan merahsiakan keadaan hidup susah mereka ketika itu. Namun, dalam amalan budaya saling berkunjung dalam kalangan orang Melayu, tetamu akan membawa makanan untuk tuan rumah bersesuaian dengan kepercayaan orang Melayu mengenai tetamu yang datang membawa rezeki. Bagi Responden B pula, beliau

mempelajari agama Islam di madrasah semenjak berumur 7 tahun hingga 18 tahun di District Six selepas pulang dari sekolah. Di madrasah, beliau diajar bahasa Arab, undang-undang Islam, cara untuk sembahyang dan pelbagai jenis doa dalam bahasa Inggeris dan bahasa Afrikaan. Setiap Isnin hingga Khamis, Responden B akan datang ke madrasah dan belajar muqaddam dengan cara membaca “*Alif di atas Aa, Alif bawah Ii Alif depan Uu*” daripada gurunya yang tegas dan akan merotannya jika beliau membuat kesilapan. Pada setiap hari Khamis, keluarganya mengamalkan *Ratibulhadad*’, kadangkala diadakan juga pada hari Ahad. Ayahnya juga pandai mengubati orang secara Islam dan menarik orang bukan Islam yang dirawatinya untuk memeluk agama Islam setelah mereka pulih. Selain fasih berbahasa Melayu, Arab, Urdu, Inggeris dan Afrikaan, beliau juga arif mengenai kitab Injil, Taurat dan al Quran. Ayahnya juga menulis kitab untuk mengubati orang dan mewariskan kitab tersebut kepada seorang saudaranya. Rumahnya menjadi tumpuan ramai orang yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Walaupun tinggal berjauhan, budaya orang *Cape Malay* tetap diteruskan dalam kalangan keluarga contohnya Responden A menyatakan bahawa mereka masih membawa makanan atau minuman apabila bertandang ke rumah ahli keluarga. Ada kalanya, mereka akan menelefon ahli keluarga yang akan dikunjungi untuk memastikan mereka tidak membawa hadiah yang sama. Apabila dikunjungi tetamu, perkara pertama yang ditanyakan oleh tuan rumah *Cape Malay* ialah jika mereka sudah makan dan menghidangkan makanan walaupun tetamunya sudah makan. Biasanya, pada setiap hari Ahad keluarganya akan masak kari ayam sebagai masakan istimewa untuk keluarga yang datang. Namun amalan ini semakin berkurangan kerana orang *Cape Malay* semakin miskin dan tidak lagi saling kunjung-mengunjungi. Pada pendapatnya, amalan kunjung mengunjungi seharusnya diteruskan kerana putusannya amalan ini akan menghilangkan keberkatan dalam sesebuah komuniti. Apabila seseorang tidak lagi mengunjungi saudaranya, hubungan kekeluargaan semakin rapuh dan

terputuslah silaturahmi sesama keluarga. Perpecahan antara keluarga merupakan satu punca keruntuhan institusi keluarga dalam kalangan orang *Cape Malay* yang pada suatu masa dahulu sangat erat dan kuat (Motola, 2013). Responden B juga menyebut hal yang sama. Beliau masih ingat bahawa pada setiap hari Ahad, saudara-maranya akan datang melawat dan makan tengahari bersama. Biasanya, ibunya akan memasak untuk tetamu yang datang. Selepas Asar, mereka akan minum petang bersama kuih-muih seperti samosa, tart, *koeksister* yang dibuat sendiri oleh ibunya akan dihidangkan sebelum saudara-maranya pulang ke rumah masing-masing. Hari Ahad menjadi hari untuk keluarga berkumpul setelah penat bekerja, hari Sabtu adalah hari untuk mereka membeli barang keperluan. Oleh itu hari Ahad menjadi hari yang ditunggu-tunggu kerana dapat berehat dan berkumpul bersama-sama ahli keluarga terdekat. Bagi Responden C, budaya Melayu dan agama Islam masih kuat diamalkan oleh masyarakat *Cape Malay* semasa beliau membesar di *Bo Kaap*. Baginya, budaya Melayu dan agama Islam sangat rapat dalam kehidupan orang *Cape Malay* ketika itu. Setiap kali sambutan *Maulud Nabi* diadakan, setiap kanak-kanak akan diberikan gula-gula dan wang sebagai sedekah. Dalam perkahwinan orang *Cape Malay*, *Lambang* (disebut sebagai *Lambar*) yang merujuk kepada rombongan melamar yang dihantar oleh keluarga pihak lelaki kepada keluarga pihak perempuan untuk meminang gadis pilihan beserta hantaran sebagai hadiah. Keluarga mereka akan berbincang tentang *maqawi* (disebut sebagai maskawi) iaitu Mas Kahwin akan diatitkan. Jemputan akan dibuat dari rumah ke rumah saudara oleh keluarga masing-masing. Bezanya, bakal pengantin akan menjemput sendiri bersama-sama dua orang pengapit ke rumah saudara mereka dan bukannya ibu bapa yang datang menjemput seperti zaman sekarang. Responden C juga rasa terkilan dengan pasangan yang menggunakan media sosial untuk menjemput tetamu kerana tidak lagi datang bertemu dan menjemput secara berdepan. Responden A turut bersetuju dengannya kerana apabila bakal pasangan pengantin menjemput secara bersemuka, saudara-mara akan bertanyakan keperluan lain yang boleh

mereka sumbangkan kepada pasangan tersebut. Jika tidak ada apa yang boleh dibantu, mereka akan mendoakan pasangan tersebut. Baginya, itulah keberkatan dalam perkahwinan yang semakin hilang dalam masyarakat orang *Cape Malay* kerana tidak lagi saling mendoakan antara satu sama lain. Disebabkan itu, perceraian banyak berlaku kerana tidak mendapat doa dari tetamu yang datang. Responden C menambah, pada hari pernikahan, hantaran tidak diberikan tetapi pengantin lelaki perlu menyediakan rumah yang dilengkapi perabot dan peralatan rumah yang akan didiami pasangan tersebut selepas mereka berkahwin. Hiasan kepala yang dipanggil *Midora* dipakaikan pada pengantin perempuan oleh wanita *Hujaj* (wanita yang pernah menunaikan Haji). Wanita-wanita *Hujaj* ini akan datang ke rumah pengantin perempuan dengan memakai 'moduring' untuk berselawat. *Hujaj* ini memainkan peranan untuk membantu mempersiapkan pengantin perempuan semasa menghantar pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki. Selama 7 hari, *Hujaj* akan datang membantu mengemas bilik dan rumah pengantin, menghidangkan makanan bagi memudahkan pengantin untuk menyesuaikan diri dan berehat. Kebiasaannya kenduri diadakan di rumah, kumpulan koir Melayu akan diundang untuk bernyanyi dan lagu Melayu didendangkan seperti lagu *Rosa*, bagi meraikan pasangan pengantin. Responden A memberitahu bahawa mereka ini adalah kumpulan koir *Cape Malay* yang berpakaian seperti barat tetapi memakai tarbus merah dari Morocco. Kumpulan koir ini pada satu masa dahulu hanya terhad kepada orang *Cape Malay* kerana bimbang dengan pengaruh Kristian tetapi kini dibuka kepada semua untuk menyertai kumpulan koir ini kerana ramai ahli yang menyertai kumpulan koir ini yang memeluk Islam. Responden C menjelaskan bahawa pada penghujung hari kenduri, bapa pengantin akan memberi nasihat mengenai perkahwinan kepada pasangan pengantin tersebut. Kini, kenduri turut diadakan di dewan oleh orang *Cape Malay*. Sebelumnya, saudara-mara akan menawarkan diri untuk membantu memasak untuk kenduri. Mereka akan mengadakan

masura yang merujuk kepada mesyuarat bagi membincangkan tugas masing-masing semasa kenduri.

Makanan dan pengaruh Belanda ke atas masakan *Cape Malay*.

Menurut Responden A, oleh kerana ramai orang Melayu menjadi tukang masak kepada penjajah, mereka mula menyesuaikan makanan mereka dengan cara masakan orang Belanda. Disebabkan orang Belanda tidak suka dengan rasa rempah yang terlalu banyak, rempah dari India lebih banyak digunakan dan makanan tersebut terasa lebih manis. Dalam masakan, orang *Cape Malay* banyak menggunakan kentang, sayur dan daging. Mereka juga menukar makanan ruji kepada roti dan jagung kerana lebih murah berbanding nasi. Beliau turut menceritakan bahawa orang Barat lebih suka makan masakan orang *Cape Malay* kerana *Cape Malay* adalah pembersih dan orang Islam terkenal dengan cara hidup yang pembersih.

Bahasa Melayu dan pengaruhnya dalam bahasa Afrikaan.

Kebanyakan responden menyebut banyak perkataan Melayu, walaupun ejaan mungkin berbeza kerana ditulis dalam ejaan Belanda tetapi sebutannya hampir sama dengan sebutan dalam bahasa Melayu. Antaranya, Responden A berkongsi tentang *Baca* yang khusus digunakan untuk aktiviti membaca al Quran manakala *Kitab* merujuk kepada Al Quran. Banyak perkataan Melayu telah membentuk perkataan Afrikaan tetapi tidak disedari oleh generasi sekarang kerana mereka tidak tahu bercakap bahasa Melayu seperti generasi terdahulu. Bahasa Melayu diserap ke dalam bahasa Afrikaan kerana pihak penjajah tidak membenarkan mereka bercakap bahasa Melayu. Oleh itu, orang *Cape Malay* menyelitkan bahasa Melayu di dalam bahasa Afrikaan dan mempengaruhi bahasa Afrikaan. Antara perkataan yang beliau kenal pasti berasal daripada perkataan Melayu ialah *Kamertjie* (sebutan *Kamar Kicil*) atau *Kamar Kecil* untuk bilik air, *Baie* (sebutan *Baya*) yang bermaksud banyak, *Dan*, *Jalan*, *Kerana*. Selain itu, perkataan lain yang dikenal pasti termasuk *Berkelai*

yang merujuk kepada pergaduhan atau berkelahi, *Klappe* untuk kelapa, *Gielap* untuk Kilat, *Nam* untuk nama, dan *Trema Kasie* untuk terima kasih.

Erti Melayu bagi orang *Cape Malay*

Menurut Responden A, beliau berterima kasih kepada ayahnya yang membesarkannya dengan nilai dan budaya orang Melayu sejak kecil. Walaupun ibunya berketurunan Filipina, perkahwinan campur sudah tidak asing dalam keluarganya kerana datuknya yang juga seorang Imam berketurunan Melayu telah berkahwin dengan neneknya yang berketurunan Cina campur. Namun, budaya orang Melayu tetap diteruskan dalam keluarganya kerana ayahnya sering mengingatkannya tentang asal-usul mereka sekeluarga. Beliau sangat berbangga menjadi orang Melayu walaupun orang lain tidak melihat diri mereka sebagai orang Melayu. Perbezaan itu mungkin disebabkan cara ayahnya membesarkannya dengan nilai kemelayuan. Bagi Responden B, beliau menganggap bahawa Melayu adalah asal-usulnya, tempat asal usul datuk dan neneknya dari Malaysia dan Indonesia. Beliau sangat berbangga menjadi orang Melayu di Capetown kerana cara hidup orang Melayu sangat dihormati oleh orang sekeliling. Responden C pula menyatakan bahawa Melayu adalah segala-galanya. Beliau sangat suka dengan budaya orang Melayu dan mahu budaya orang Melayu diteruskan. Baginya budaya orang Melayu ialah mereka sentiasa baik hati dan menghormati serta melayan tetamu dengan baik. Malah, beliau sangat berbangga berketurunan Melayu kerana bapanya berasal dari kepulauan Melayu.

Kesimpulan

Walaupun budaya Melayu dan agama Islam masih diamalkan dalam kalangan orang *Cape Malay*, tetapi identiti orang Melayu di Capetown semakin dipengaruhi oleh Barat. Kesan dari halangan dari penjajah terhadap orang *Cape Malay* dari bercakap bahasa Melayu dan beragama semasa zaman awal ketibaan orang Melayu di Capetown. Budaya dan identiti

orang Cape Malay semakin terhakis kesan dari pelaksanaan Group Area Act semasa zaman Apartheid di Afrika Selatan. Perubahan zaman dan pengaruh Barat menyebabkan generasi *Cape Malay* yang dahulunya sangat rapat dan bersatu padu dalam komuniti berpecah menjadi unit yang lebih kecil. Budaya orang Melayu di Capetown semakin ditinggalkan dan orang *Cape Malay* yang semakin selesa menerap budaya asing ke dalam kehidupan seharian. Budaya Melayu dianggap lapuk dan tidak sesuai dengan gaya hidup masa kini menyebabkan generasi muda tidak mengetahui tentang budaya mereka walaupun mereka mengetahui asal-usul keluarga mereka adalah dari kepulauan Melayu. Namun, kebanyakan responden mengaitkan budaya Melayu sebagai sebahagian daripada agama Islam dan menganggap bahawa menjadi orang Melayu bermakna menjadi orang Islam, dan hal ini yang menjadi identiti orang Cape Malay. Bagi generasi tua yang masih mempunyai nostalgia yang kuat terhadap kehidupan orang Melayu di Capetown semasa membesar di Bo Kaap dan District Six, mereka cuba untuk mempertahankan dan meneruskan budaya Melayu dalam keluarga mereka. Namun, mereka menyatakan kebimbangan bahawa nilai dan budaya orang Melayu akan semakin terhakis apabila budaya orang Melayu semakin dipengaruhi oleh budaya asing. Oleh itu, mereka berharap agar budaya Melayu dapat diteruskan bagi memastikan generasi akan datang tidak lupa akan asal-usul mereka khususnya agama Islam. Sepertimana kata seorang responden, “*When I find a true Malay, I will find a true Islam*” yakni apabila beliau menemukan orang Melayu yang sebenar, beliau akan menemukan orang Islam yang sebenar.

Penghargaan:

Penulis mengucapkan terima kasih kepada responden yang terlibat dalam temu bual terutamanya Abdullah Waggie, Presiden ‘*Melayu and Cultural Heritage Society*’ di atas sokongan dan bantuan yang diberikan sepanjang kajian dibuat di Capetown.

Bibliografi

Jenks, C.J. (2018) *The SAGE Handbook of qualitative data collection, Recording and Transcribing Social Interaction*, United Kingdom SAGE Publications Ltd, First edition, muka surat 2-14

Cresswell, J.W (2013) *Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*, London, Sage Publications

Yin, R.K. (2011) *Case study research, design and methods*, London, Sage Publications, Third edition

Buku

Davids, A. (1980) *The Mosques of Bo Kaap*, The South African Institute of Arabic and Islamic Research, Cape Town.

Ebrahim H.M. (2009) *The Cape Hajj Tradition Past & Present*, International Peace College South Africa (IPSA)

Zahrah Sulaiman , Wan Hashim Wan The, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2016) *Asal Usul Melayu, Induknya Di Benua Sunda, Sejarah Tamadun Alam Melayu*, Jilid 1, muka surat 315, Perpustakaan Negara Malaysia.

Thesis yang belum diterbitkan

Paulsen, M.A (2003). *The Malay Community of Gauteng: Syncretism, Beliefs, Customs and Development*, Afrika Selatan, University of Johannesburg.

Motala, T. (2013). *Muslim residential patterns in Cape Town: An examination of the Changes and Continuities in the Cape Malay Muslim community*, Afrika Selatan, University of Capetown.